

12/10/2002

Krisis kewangan beri keyakinan urus ekonomi

Wan Hazmir Bakar

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, krisis kewangan serantau yang melanda pada 1997/1998 meningkatkan keyakinan Malaysia terhadap kemampuannya menguruskan ekonomi sendiri.

Perdana Menteri berkata, krisis itu juga memberi pengajaran bahawa rakyat dan negara ini bersendirian dan perlu bergantung kepada kekuatan sendiri dalam menangani masalah.

"Ia adalah sesuatu yang kita pelajari," katanya dalam wawancara yang terkandung dalam buku "Rewriting The Rules: The Malaysian Crisis Management Model", yang dilancarkan kelmarin.

Buku itu ditulis oleh Ketua Pasukan Perunding Khas Mengenai Globalisasi di Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Prof Dr Mahani Zainal Abidin.

Buku itu menceritakan bagaimana kerajaan menangani krisis ekonomi paling buruk yang pernah dialami negara dengan mengambil pendekatan luar biasa dan akhirnya terbukti berkesan.

Dr Mahathir berkata, pengalaman menangani krisis itu juga mengajar rakyat bahawa "jika kita tidak tahu bagaimana menangani krisis itu sendiri, kita akan jatuh".

Ditanya apakah pengajaran yang paling penting daripada krisis itu bagi Malaysia, Perdana Menteri berkata, ia adalah keupayaan untuk 'berdiri di atas kaki kita sendiri'.

"Itu bermakna, kita terpaksa bergantung kepada keupayaan kita sendiri untuk menangkis sebarang serangan dan ancaman yang datang dari luar," katanya.

Dr Mahathir berkata, apabila kita mahu membuat keputusan bagi melindungi ekonomi, kita mengaudit kekuatan sendiri dan mendapati kita mempunyai banyak modal di negara ini.

"Kita adalah salah satu daripada penyimpan tertinggi dunia. Kita tidak meminjam berlebihan dari luar dan itu adalah perbezaan di antara kita dan Indonesia dan Thailand," katanya.

Ditanya saat paling getir ketika krisis itu, Dr Mahathir berkata, ia pada 1998 dan sebahagian 1997 apabila setiap kali beliau membuat kenyataan, nilai ringgit akan jatuh.

Malah, kata Perdana Menteri, ada yang memberitahu beliau supaya menutup mulut kerana pedagang mata wang akan menurunkan nilai ringgit jika beliau terus membuat kenyataan.

"Mereka menuduh saya dalam Far Eastern Economic Review bahawa saya patut belajar tidak bercakap, sebaliknya mengaku mereka ini (spekulator) memanipulasi mata wang kita.

"Ini adalah perkara paling teruk, iaitu bila anda semakin hilang kawalan terhadap negara anda sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak dapat berbuat apa-apa kerana wang mengalir ke Singapura memandangkan kadar faedah di republik itu adalah setinggi 20 peratus berbanding 12 peratus di Malaysia.

Akibatnya, katanya, negara kekeringan wang dan mengalami masalah kecairan manakala bank semakin goyah.

"Ia adalah saat sungguh menyedihkan apabila melihat negara ini akan tersungkur. Rakyat kita masih mampu dan mempunyai keupayaan bekerja tetapi mereka tidak dapat berfungsi kerana tiada wang dan tidak boleh meminjam," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga pernah memikirkan untuk mengisytiharkan darurat ketika awal krisis ekonomi 1997 tetapi idea itu tidak dilaksanakan

kerana keadaan ketika itu tidak mengancam keselamatan.

"Darurat hanya memberi sedikit kelebihan. Ia bukan satu ancaman keselamatan. Ia boleh bertukar menjadi ancaman keselamatan jika berlaku rusuhan dan ketidakstabilan," katanya.